

Malaysia sokong keanggotaan Laos dalam WTO — Dr.M

LUM 3 0 OCT 2001

PUTRAJAYA 29 Okt. — Malaysia menyokong sepenuhnya keanggotaan Laos dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata Malaysia gembira kepimpinan Laos terus melaksanakan pembaharuan dan mewujudkan institusi-institusi sokongan ke arah pembentukan ekonomi berorientasikan pasaran.

"Malaysia berpendapat bahawa keinginan Laos untuk menganggotai WTO merupakan satu langkah yang tepat dan Malaysia menyokong sepenuhnya keanggotaan Laos dalam pertubuhan tersebut," katanya dalam ucapan di majlis makan malam di Seri Perdana malam ini sempena lawatan Perdana Menteri Laos, Bounnhang Vorachith.

Bounnhang sedang dalam rangka lawatan selama tiga hari ke Malaysia bermula hari ini.

Sebelum itu, Laos secara rasmi meminta Malaysia membantu negara itu membangunkan sumber tenaga manusianya dalam pelbagai bidang.

Ini dinyatakan oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar kepada pemberita selepas menyertai mesyuarat antara delegasi Malaysia dan Laos sempena lawatan rasmi Perdana Menteri Laos, Bounnhang Vorachith selama tiga hari ke Malaysia.

Delegasi Malaysia diketuai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad manakala Laos diketuai oleh Vorachith.

Menurut beliau, negara berkenaan memerlukan bantuan serta kepakaran Malaysia terutama berkaitan bidang pendidikan tinggi, perdagangan serta pelancongan.

Katanya, kepakaran Malaysia tu-

rut diperlukan untuk meningkatkan lagi kemampuan rakyat itu dalam bahasa Inggeris, latihan guru, industri kayu-kayan, pembinaan serta menubuhkan sebuah institut diplomasi dan hubungan luar.

"Mereka juga meminta kita melabur dalam bidang kayu-kayan dan Jana Kuasa elektrik hidro.

"Kita akan lihat kajian kemungkinan berasas kepada ini sama ada tenaga itu boleh dijual kepada negara jiran seperti Thailand agar lebih berdaya saing," katanya.

Perdana Menteri Laos itu tiba tengah hari ini bersama isterinya, Khammeung Vorachit, Timbalan Perdana Menteri, Somsavat Lengsavat serta anggota rombongan yang lain.

Ini merupakan lawatan pertama Vorachith ke Malaysia selepas dipilih sebagai Perdana Menteri Laos baru-baru ini.

Syed Hamid menambah, Laos amat memerlukan bantuan negara-negara ASEAN memandangkan negara itu masih jauh ketinggalan dalam banyak bidang.

Menurut beliau, Vorachith turut mempelawa Malaysia menambah pelaburannya di negara itu.

Syed Hamid berkata, pada masa ini Malaysia mempunyai pelaburan bernilai lebih RM1 bilion dan merupakan pelabur keempat terbesar di sana.

Pelaburan itu mencakupi industri kayu-kayan, perhotelan serta pembinaan jalan raya.

Mengulas lanjut mesyuarat delegasi kedua-dua negara itu, Syed Hamid berkata, Laos dan Malaysia bersetuju untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala.